



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Modul Teknologi Maklumat & Komunikasi
Modul Aplikasi

PENDIDIKAN MORAL

Tahun 3






Modul Teknologi Maklumat & Komunikasi

PENDIDIKAN MORAL

Tahun 3

Modul Aplikasi TMK



Standard Kandungan

9.0 Berani Menghadapi Cabaran di Sekolah

Persediaan: 5 hingga 10 minit

Pengajaran: 1 jam

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 9.1 Menyenaraikan contoh menghadapi cabaran yang terdapat di sekolah.
- 9.2 Mengenal pasti cara berani menghadapi cabaran yang terdapat di sekolah.
- 9.3 Menjelaskan kepentingan berani menghadapi cabaran yang terdapat di sekolah.
- 9.4 Mengekspresikan perasaan apabila berani menghadapi cabaran di sekolah.

Penerapan Kemahiran TMK

2.3 Menghasilkan dokumen elektronik yang menggabungkan teks dan grafik.

Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan untuk satu kelas

- Projektor LCD
- Komputer/komputer riba
- Pembesar suara
- Fail Microsoft PowerPoint (Pengajaran)

Bahan untuk setiap murid

- Komputer/komputer riba (satu untuk setiap kumpulan)
- Mikrofon

Persediaan

1. Guru memuat turun fail Microsoft PowerPoint
 - a) Fail Pengajaran
 - b) Fail Aktiviti Kumpulan
2. Guru menyediakan satu komputer/komputer riba untuk setiap kumpulan.

Rancangan Pengajaran

Langkah	Cadangan aktiviti	BBM/Catatan
Set Induksi (5 minit)	Lakonan murid Babak 1 Murid A sedang berjalan di kawasan sekolah lalu terserempak dengan sekumpulan murid yang sedang membuli murid B. Murid A kemudiannya melaporkan perkara tersebut kepada seorang guru di sekolah. Babak 2 Murid C sedang berjalan di kawasan sekolah lalu terserempak dengan sekumpulan murid yang sedang membuli murid D. Murid C kemudiannya melarikan diri kerana berasa takut. Aktiviti: 1. Murid berbincang mengenai dua lakonan yang disaksikan tadi. (Siapakah yang bertindak dengan baik? Mengapa?) 2. Murid memberi respons kepada kedua-dua lakonan tersebut. 3. Murid yang melakonkan watak murid yang berani dan murid yang melarikan diri memberi pandangan tentang tindakan dan perasaannya dalam lakonan. 4. Murid menyatakan nilai yang harus diamalkan oleh murid semasa menghadapi masalah di sekolah.	BBM: - Komputer/ Komputer riba - Projektor LCD

Latihan	Cadangan aktiviti	BBM/Catatan
Aktiviti Kumpulan (30 minit)	Perbincangan Kumpulan 1. Murid dibahagikan kepada 4 kumpulan. Setiap kumpulan diberikan 4 kad situasi yang berbeza (Slaid PowerPoint Pengajaran). 2. Murid berbincang tentang situasi yang diperhatikan dalam kad tersebut. 3. Nyatakan tindakan yang berani untuk menyelesaikan masalah tersebut. 4. Nyatakan perasaan anda semasa berani menyelesaikan masalah. 5. Murid menghasilkan pembentangan melalui persembahan PowerPoint. 6. Berdasarkan situasi di atas, murid perlu menyatakan maklumat berikut: a) Apakah situasi yang berlaku? b) Apakah perasaan anda melihat situasi yang berlaku? c) Apakah tindakan yang sewajarnya? Mengapa? d) Apakah perasaan anda apabila menangani masalah dengan berani? Catatan Guru: Untuk persembahan PowerPoint, murid boleh menggunakan cara sendiri untuk memaparkan hasil perbincangan. Murid perlu mencari grafik dan <i>emoticon</i> yang bersesuaian untuk menyatakan perasaan sebelum dan selepas menangani situasi tersebut.	BBM: - Komputer riba - Pembesar suara Bahan: 4 Kad situasi (Fail Slaid Pengajaran PowerPoint) Penerapan Kemahiran TMK: 2.3 Menghasilkan dokumen elektronik yang menggabungkan teks dan grafik.

Latihan	Cadangan aktiviti	BBM/Catatan
Aktiviti Permainan Kumpulan (20 minit)	Permainan Kumpulan 1. Guru menyediakan 5 kotak yang bertutup. Terdapat lima item yang diletakkan ke dalam kotak-kotak tersebut. Item-item seperti daun, buku, batu kecil, patung yang berbulu dan sebagainya. 2. Murid dikehendaki memasukkan tangan ke dalam kotak tersebut dan cuba meneka barang di dalam kotak tersebut. 3. Murid menulis tekaan masing-masing di papan hitam. 4. Guru akan membuka kotak setelah semua murid memasukkan tangan ke dalam kotak. Rujukan Guru: Permainan ini melatih murid menyahut cabaran bagi memupuk nilai keberanian.	Penerapan nilai: Keberanian BBM: Kotak, daun, buku, batu kecil, patung berbulu.
Penutup (5 minit)	Guru merumuskan persembahan murid dalam kelas dan menanyakan soalan berikut: 1. Apakah kepentingan mengamalkan nilai keberanian dalam kehidupan harian? 2. Murid berkongsi pengalaman tentang cabaran yang dihadapi di sekolah atau di luar sekolah yang memerlukan penerapan nilai berani untuk mengatasi masalah tersebut.	Penerapan nilai: Keberanian



Modul Teknologi Maklumat & Komunikasi

PENDIDIKAN MORAL

Tahun 3

Kemahiran Berfikir Secara Komputasional



Standard Kandungan

14.0 Toleransi Sesama Warga Sekolah

Persediaan: 5 hingga 10 minit

Pengajaran: 1 jam

Standard Pembelajaran

Murid boleh:

- 14.1 Menyenaraikan ciri toleransi.
- 14.2 Menjelaskan dengan contoh sikap toleransi sesama warga sekolah.
- 14.4 Mengekspresikan perasaan apabila bersikap toleransi sesama warga sekolah.

Penerapan Kemahiran TMK

- 3.4 Menentukan aspek penting dalam sesuatu situasi, keadaan dan permasalahan.

Bahan Bantu Mengajar (BBM)

Bahan untuk satu kelas

- Projektor LCD
- Komputer/komputer riba
- Pembesar suara
- Fail Microsoft PowerPoint (Pengajaran)

Bahan untuk setiap murid

- Komputer/komputer riba (satu untuk setiap kumpulan)
- Mikrofon

Persediaan

1. Guru memuat turun fail Microsoft PowerPoint
 - a) Fail Pengajaran
 - b) Fail Aktiviti Kumpulan
2. Guru menyediakan satu komputer/komputer riba untuk setiap kumpulan.

Rancangan Pengajaran

Langkah	Cadangan aktiviti	BBM/Catatan												
Set Induksi (5 minit)	1. Murid diberikan 3 set gambar situasi yang berlainan. 2. Murid membanding beza dan berbincang berdasarkan aspek permasalahan, perasaan dan amalan. 3. Murid menyatakan amalan manakah yang lebih sesuai bagi setiap situasi di atas. Guru menyatakan amalan yang lebih sesuai merupakan amalan toleransi dalam kehidupan seharian.													
	<table><tr><th></th><th>Contoh Soalan Guru</th><th>Contoh Jawapan Murid</th></tr><tr><td>Set situasi 1</td><td>Apakah yang sedang berlaku dalam gambar tersebut?</td><td>Mereka sedang berbincang dalam kumpulan</td></tr><tr><td></td><td>Jika anda ahli kumpulan 1, apakah perasaan anda?</td><td>Sabar mendengar pandangan orang yang sedang bercakap</td></tr><tr><td></td><td>Jika anda ahli kumpulan 2, apakah perasaan anda?</td><td>Tidak senang hati .Tidak dapat mendengar dengan jelas apabila 2 orang sedang bercakap pada masa yang sama.</td></tr></table>		Contoh Soalan Guru	Contoh Jawapan Murid	Set situasi 1	Apakah yang sedang berlaku dalam gambar tersebut?	Mereka sedang berbincang dalam kumpulan		Jika anda ahli kumpulan 1, apakah perasaan anda?	Sabar mendengar pandangan orang yang sedang bercakap		Jika anda ahli kumpulan 2, apakah perasaan anda?	Tidak senang hati .Tidak dapat mendengar dengan jelas apabila 2 orang sedang bercakap pada masa yang sama.	BBM: - Komputer/ Komputer riba - Projektor LCD Bahan: Slaid PowerPoint (Gambar situasi) Penerapan Kemahiran TMK: 3.4 Menentukan aspek penting dalam sesuatu situasi, keadaan dan permasalahan.
		Contoh Soalan Guru	Contoh Jawapan Murid											
	Set situasi 1	Apakah yang sedang berlaku dalam gambar tersebut?	Mereka sedang berbincang dalam kumpulan											
	Jika anda ahli kumpulan 1, apakah perasaan anda?	Sabar mendengar pandangan orang yang sedang bercakap												
	Jika anda ahli kumpulan 2, apakah perasaan anda?	Tidak senang hati .Tidak dapat mendengar dengan jelas apabila 2 orang sedang bercakap pada masa yang sama.												
	<table><tr><td>Set situasi 2</td><td>Apakah situasi yang berlaku?</td><td>Dua budak merebut permainan di gambar 1 manakala dua budak berkongsi permainan di gambar 2.</td></tr><tr><td></td><td>Apakah perasaan anda jika anda salah seorang budak dalam gambar 1?</td><td>Marah. Tidak ingin bermain dengan rakan.</td></tr><tr><td></td><td>Apakah perasaan anda jika anda salah seorang budak dalam gambar 2?</td><td>Senang hati. Suka bermain dengan rakan.</td></tr></table>	Set situasi 2	Apakah situasi yang berlaku?	Dua budak merebut permainan di gambar 1 manakala dua budak berkongsi permainan di gambar 2.		Apakah perasaan anda jika anda salah seorang budak dalam gambar 1?	Marah. Tidak ingin bermain dengan rakan.		Apakah perasaan anda jika anda salah seorang budak dalam gambar 2?	Senang hati. Suka bermain dengan rakan.				
Set situasi 2	Apakah situasi yang berlaku?	Dua budak merebut permainan di gambar 1 manakala dua budak berkongsi permainan di gambar 2.												
	Apakah perasaan anda jika anda salah seorang budak dalam gambar 1?	Marah. Tidak ingin bermain dengan rakan.												
	Apakah perasaan anda jika anda salah seorang budak dalam gambar 2?	Senang hati. Suka bermain dengan rakan.												

Langkah	Cadangan aktiviti	BBM/Catatan
Aktiviti 2 (20 minit)	Permainan Ambil Giliran 1. Murid diagihkan ke dalam 3 kumpulan. Murid duduk dalam bulatan. 2. Seorang murid akan dipilih untuk memulakan permainan ini. Murid pertama menyebut "Sila ikut saya" sambil membuat satu perlakuan dengan anggota badan. Kemudian, murid tersebut akan menepuk 3 tepukan tangan. Murid-murid lain akan memerhati dan mengingati perlakuan tersebut. Selepas 3 tepukan tangan, murid-murid lain perlu mengulangi perlakuan murid pertama dan diikuti dengan 3 tepukan tangan. Contoh: Murid A menyebut "Sila ikut saya " sambil mengangguk kepala 3 kali dan diikuti dengan 3 tepukan tangan. Murid-murid lain memerhati dan mengulangi perlakuan mengangguk kepala 3 kali serta 3 tepukan tangan. Aktiviti diteruskan oleh murid seterusnya. 3) Permainan ini berulang sehingga semua murid telah mengambil giliran masing-masing. Nota untuk Guru: Permainan ini mementingkan nilai bertolak ansur dan sabar menunggu giliran. Murid perlu sabar sementara mengikuti tepukan yang dimainkan oleh rakan-rakan lain.	BBM: - Komputer riba - Pembesar suara Nilai: Toleransi

Langkah	Cadangan aktiviti	BBM/Catatan								
Aktiviti 3 (Aktiviti kumpulan) (30 minit)	Perbincangan Kumpulan 1. 2 gambar dipaparkan supaya murid boleh mengenal pasti amalan toleransi dan amalan tidak bertoleransi.   Amalan Toleransi Amalan Tidak Bertoleransi 2. Dalam kumpulan, murid berbincang tentang amalan toleransi yang pernah dialami berdasarkan jadual berikut. <table><tr><th>Situasi Amalan Toleransi</th><th>Situasi Amalan Tidak Bertoleransi</th></tr><tr><td></td><td></td></tr><tr><th>Perasaan semasa mengamalkan toleransi</th><th>Perasaan semasa mengalami amalan tidak toleransi</th></tr><tr><td></td><td></td></tr></table> 3. Hasil kumpulan dibentangkan di hadapan kelas.	Situasi Amalan Toleransi	Situasi Amalan Tidak Bertoleransi			Perasaan semasa mengamalkan toleransi	Perasaan semasa mengalami amalan tidak toleransi			BBM: - Komputer/ Komputer riba - Projektor LCD - Pembesar suara - Mikrofon Bahan: Slaid PowerPoint Penerapan Kemahiran TMK: 3.4 Menentukan aspek penting dalam sesuatu situasi, keadaan dan permasalahan
Situasi Amalan Toleransi	Situasi Amalan Tidak Bertoleransi									
Perasaan semasa mengamalkan toleransi	Perasaan semasa mengalami amalan tidak toleransi									
Penutup (5 minit)	Guru merumuskan persembahan murid dalam kelas dan menanyakan soalan berikut: 1. Apakah kepentingan amalan toleransi dalam kehidupan harian? 2. Apakah kesannya sekiranya amalan toleransi tidak diamalkan oleh murid?									